



NEGERI PAHANG

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PAHANG GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

**Jil. 60**

**22hb November 2007**

**No. 24**

---

---

AKTA EKSAIS 1976

(Akta 176)

**No. 1278.**

PERATURAN-PERATURAN EKSAIS (LEMBAGA PELESEN 1977)

[P.U. (A) 155/1977]

MESYUARAT LEMBAGA PELESENAN EKSAIS DAERAH RAUB

Notis adalah diberitahu bahawa Mesyuarat Lembaga Pelesenan Eksais Daerah Raub bagi setengah tahun kedua 2007 akan diadakan pada hari Rabu, bersamaan 21 November 2007 jam 9.30 pagi di Bilik Gerakan, Pejabat Daerah Raub.

2. Semua permohonan untuk lesen, pembaharuan lesen atau pindah milik lesen bagi setengah tahun Kedua 2007 hendaklah dibuat dalam borang yang telah ditetapkan (dalam 4 salinan) dan dihantar kepada Pengerusi Lembaga Pelesenan Eksais Raub, d/a Pejabat Daerah Raub dan mesti sampai pada 29 Oktober 2007.

3. Permohonan untuk lesen baru hendaklah diiklankan atas perbelanjaan pemohon itu sendiri:

- (a) dengan mempamerkan satu salinan permohonan itu di bangunan/tempat di mana perniagaan itu akan dijalankan dalam tempoh sekurang-kurangnya 1 bulan sebelum mesyuarat itu diadakan; dan
- (b) dengan mengiklankan permohonan itu di dalam dua jenis akhbar (Bahasa Malaysia dan Inggeris/Cina) dalam tempoh yang tersebut di dalam perenggan (a) di atas dan keratan iklan itu hendaklah dihantar ke Pejabat Daerah Raub.

Bertarikh 8 Oktober 2007  
[PDR. 13/18/0025 Jld. 22]

DATO' HAJI ABDUL KADIR BIN AWANG BAKAR  
*Pengerusi*  
*Lembaga Pelesenan Eksais Daerah*  
*Raub*

## AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

(Akta 171)

## LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

(Act 171)

**No. 1279.**

## PEMBERITAHUAN-PEMBERITAHUAN DI BAWAH SEKSYEN 4

## NOTIFICATIONS UNDER SECTION 4

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 4 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Pihak Berkuasa Negeri, setelah berunding dengan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Setiausaha Suruhanjaya Pilihanraya, telah mengubah sempadan kawasan Majlis Daerah Lipis daripada seluas 130 km. persegi menjadi seluas 5,198 km. persegi sebagaimana ditunjukkan dalam Pelan No. P.W. 3840 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri Pahang.

2. Pengubahan sempadan ini mula berkuat kuasa pada tarikh pemberitahuan ini disiarkan dalam *Warta*.

Bertarikh 8 Ogos 2007  
[SUK. Phg. (KT) 5558 Sj. 7 PT. 2]

HAMDAN BIN HUSSIN  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Pahang*

In exercise of the powers conferred by section 4 of the Local Government Act 1976 [*Act 171*], the State Authority, after consultation with the Minister of Housing and Local Government and the Secretary of the Election Commission, has altered the boundaries of the Lipis District Council area from an area of 130 square km to an area of 5,198 square km. as delineated upon Plan No. P.W. 3840 deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping of State of Pahang.

2. This alteration of boundaries comes into operation on the date of publication of this notification in the *Gazette*.

Dated 8 August 2007  
[SUK. Phg. (KT) 5558 Sj. 7 PT. 2]

HAMDAN BIN HUSSIN  
*Secretary*  
*State Executive Council*  
*Pahang*

**No. 1280.**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 4 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Pihak Berkuasa Negeri, setelah berunding dengan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Setiausaha Suruhanjaya Pilihanraya, telah mengubah sempadan kawasan Majlis Daerah Maran daripada seluas 117.14 km. persegi menjadi seluas 1,978.1 km. persegi sebagaimana ditunjukkan dalam Pelan No. P.W. 3825 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri Pahang.

2. Perubahan sempadan ini mula berkuat kuasa pada tarikh pemberitahuan ini disiarkan dalam *Warta*.

Bertarikh 29 Ogos 2007  
[SUK. Phg. (KT) 5558 Sj. 4]

HAMDAN BIN HUSSIN  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Pahang*

In exercise of the powers conferred by section 4 of the Local Government Act 1976 [*Act 171*], the State Authority, after consultation with the Minister of Housing and Local Government and the Secretary of the Election Commission, has altered the boundaries of the Maran District Council area from an area of 117.14 square km. to an area of 1,978.1 square km. as delineated upon Plan No. P.W. 3825 deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping of State of Pahang.

2. This alteration of boundaries comes into operation on the date of publication of this notification in the *Gazette*.

Dated 29 August 2007  
[SUK. Phg. (KT) 5558 Sj. 4]

HAMDAN BIN HUSSIN  
*Secretary*  
*State Executive Council*  
*Pahang*

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976  
(Akta 172)

TOWN AND COUNTRY PLANNING ACT 1976  
(Act 172)

**No. 1281.**

PEMBERITAHUAN PERSETUJUAN PIHAK BERKUASA NEGERI KEPADA DRAF  
RANCANGAN STRUKTUR NEGERI PAHANG

NOTIFICATION OF STATE AUTHORITY'S ASSENT TO THE DRAFT OF STATE OF  
PAHANG STRUCTURE PLAN

Menurut subseksyen 10(7) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*], dengan ini diberitahu bahawa Pihak Berkuasa Negeri Pahang telah memberi persetujuannya pada 5 September kepada:

Rancangan Struktur Negeri Pahang.

2. Draf Rancangan Struktur Negeri Pahang itu sekarang dikenali sebagai Rancangan Struktur Negeri Pahang dan boleh diperiksa di Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Pahang pada waktu pejabat.

Pursuant to subsection 10(7) of the Town and Country Planning Act 1976 [Act 172], it is notified that the State Authority of Pahang has given its assent on 5 September 2007 to the:

State of Pahang Structure Plan.

2. The Draft of State of Pahang Structure Plan is now identified as the State of Pahang Structure Plan and may be inspected at Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Pahang during office hours.

[JPBD/PHG/C1/81/135466 Klt. 6]

AKTA PERIKANAN 1985

(Akta 317)

FISHERIES ACT 1985

(Act 317)

**No. 1282.**

PELANTIKAN DI BAWAH SEKSYEN 5

APPOINTMENT UNDER SECTION 5

PEMBETULAN

CORRIGENDUM

Pemberitahuan *Warta* No. 767 yang disiarkan pada 5 Julai 2007 dipinda dalam Jadual—

- (a) dalam butiran 5, dengan menggantikan perkataan “KP. 740829-12-5198” dengan perkataan “KP. 740829-12-5168”;
- (b) dalam butiran 8, dengan menggantikan perkataan “KP. 651218-06-5330” dengan perkataan “KP. 651218-06-5149”;
- (c) dalam butiran 11, dengan menggantikan perkataan “KP. 570501-11-5175” dengan perkataan “KP. 570501-11-5186”;
- (d) dalam butiran 19, dengan menggantikan perkataan “KP. 801218-06-5325” dengan perkataan “KP. 801218-04-5325”;
- (e) dalam butiran 21, dengan menggantikan perkataan “Encik Mohd Azmi bin Abu Bakar” dengan perkataan “Encik Mohd Azmi bin Mohamed Shah”;
- (f) dalam butiran 23, dengan menggantikan perkataan “Encik Tajudin Azman bin Mohd” dengan perkataan “Encik Tajudin Azman bin Mohamed”.

[SUK. Phg. 004/5/19; PRK. Phg. 07/20]

*Gazette* Notification No. 767 published on 5 July 2007 is amended in the Schedule—

- (a) in item 5, by substituting for the words “KP. 740829-12-5198” the words “KP. 740829-12-5168”;
- (b) in item 8, by substituting for the words “KP. 651218-06-5330” the words “KP. 651218-06-5149”;
- (c) in item 11, by substituting for the words “KP. 570501-11-5175” the words “KP. 570501-11-5186”;
- (d) in item 19, by substituting for the words “KP. 801218-06-5325” the words “KP. 801218-04-5325”;
- (e) in item 21, by substituting for the words “Encik Mohd Azmi bin Abu Bakar” the words “Encik Mohd Azmi bin Mohamed Shah”;
- (f) in item 23, by substituting for the words “Encik Tajudin Azman bin Mohd” the words “Encik Tajudin Azman bin Mohamed”.

[SUK. Phg. 004/5/19; PRK. Phg. 07/20]

## KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

## NATIONAL LAND CODE

(Act 56 of 1965)

### No. 1283.

(Seksyen 62)

#### PERIZABAN TANAH UNTUK MAKSUD AWAM

(Section 62)

#### RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 62 Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan tanah yang telah diperihalkan dalam Jadual yang dilukiskan di atas Pelan Ukur yang dinyatakan dalam ruangan kelima Jadual yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang untuk maksud awam, iaitu sebagai jalan masuk ke tapak Sekolah Memengah Paya Pulau, di Kampung Gau, di bawah kawalan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan.

In exercise of the powers conferred by section 62 of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserved the land described in the Schedule which are delineated upon Survey Plan specified in the fifth column of the Schedule deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping of Pahang for a public purpose, to wit a site for the access road to the Paya Pulai Secondary School site, at Kampung Gau, to be under the control of the Federal Land Commissioner.

## JADUAL/SCHEDULE

No. Lot	Mukim	Daerah/ <i>District</i>	Luas/ <i>Area</i>	No. Pelan/ <i>Plan No.</i>
2696	Bangau	Temerloh	844 meter persegi	P.A. 88086
2601	Bangau	Temerloh	860 meter persegi	P.A. 88086
2607	Bangau	Temerloh	1968 meter persegi	P.A. 88086

Bertarikh 9 Oktober 2007

Dated 9 October 2007  
[PTT. 370/10/2004/14]

HAMDAN BIN HUSSIN  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Pahang/*  
*Secretary*  
*State Executive Council*  
*Pahang*

**No. 1284.**

(Seksyen 168)

NOTIS-NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN  
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN  
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Dokumen Hakmilik Keluaran Komputer (DHKK) Diakui Hilang Surat Akuan Perserahan 59/2007.

## JADUAL

Mukim—Semantan Ulu. No. P.T.—1029. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 471.  
Luas—2.3269 hektar.

Bertarikh 7 Jun 2007  
[P.T. Raub 4/1/021/2007(3)]

MOHD HAFIZI BIN IBRAHIM  
*Pentadbir Tanah Daerah  
Raub*

**No. 1285.**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Dokumen Hakmilik Keluaran Komputer (DHKK) Hilang Surat Akuan  
Perserahan 725/2007.

## JADUAL

Mukim—Kuala Kuantan. No. Lot—16465. Jenis dan No. Hakmilik—P.N. 6790.  
Luas—318.8 meter persegi.

Bertarikh 11 Oktober 2007  
[PTG. Phg. 08/2254/2007]

*Pendaftar Hakmilik Tanah  
Pahang*

**No. 1286.**

(Seksyen 187B)

NOTIS-NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN  
DOKUMEN HAKMILIK KELUARAN SEMENTARA YANG BARU

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 187B Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran sementara bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Dokumen Hakmilik Keluaran Komputer (DHKK) Hilang Surat Akuan  
Perserahan 634/2007.

## JADUAL

Mukim—Bentong. No. P.T.—4811. Perihal dan No. Hakmilik—H.S.(D) 4937.  
Luas—153.2 meter persegi.

Bertarikh 11 Oktober 2007  
[PTG. Phg. 08/2248/2007]

*Pendaftar Hakmilik Tanah  
Pahang*

**No. 1287.**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 187B Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran sementara bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Dokumen Hakmilik Keluaran Komputer (DHKK) Hilang Surat Akuan  
Perserahan 735/2007.

## JADUAL

Mukim—Sabai. No. P.T.—1605. Perihal dan No. Hakmilik—H.S.(D) 1762.  
Luas—153.285 meter persegi (1650 kaki persegi).

Bertarikh 25 Oktober 2007  
[PTG. Phg. 08/2259/2007]

*Pendaftar Hakmilik Tanah  
Pahang*

**No. 1288.**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 187B Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran sementara bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Dokumen Hakmilik Keluaran Komputer (DHKK) Hilang Surat Akuan  
Perserahan 737/2007.

## JADUAL

Mukim—Kuala Kuantan. No. P.T.—1816. Perihal dan No. Hakmilik—  
H.S.(D) 966. Luas—143 meter persegi.

Bertarikh 25 Oktober 2007  
[PTG. Phg. 08/2260/2007]

*Pendaftar Hakmilik Tanah  
Pahang*



**NOTIS-NOTIS AM****No. 1289.****KANUN TANAH NEGARA**

(Akta 56 tahun 1965)

(Seksyen 254)

**NOTIS KEMUNGKIRAN MENGENAI SUATU GADAIAN**

Kepada Lee Yau Koon (No. KP. 621101-06-5869) beralamat di No. A-173, Taman Koperasi, 27000 Jerantut, Pahang, penggadai di bawah gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang diperihalkan sedemikian.

Bahawasanya kamu telah melakukan pelanggaran terhadap peruntukan-peruntukan gadaian ini dengan kegagalan menjelaskan baki hutang sejumlah RM73,844.80 (Ringgit Malaysia: Tujuh Puluh Tiga Ribu Lapan Ratus Empat Puluh Empat dan sen Lapan Puluh) sahaja dengan faedah pada kadar 1.00% setahun melebihi Kadar Asas Berian Pinjaman (BLR sekarang adalah 6.75% setahun) dan faedah denda pada kadar 1.00% setahun setakat 30-04-2007.

Dan bahawasanya pelanggaran itu telah berterusan selama tempoh sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum tarikh notis ini.

Kami sebagai Pemegang Gadaian, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 254 Kanun Tanah Negara dengan ini menghendaki kamu supaya memulihkan pelanggaran itu dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh penyampaian notis ini.

**JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN**

Bandar/ Pekan/ Mukim	No. Lot/ Petak/P.T.	Jenis dan Hakmilik	Bahagian Tanah (jika ada)	No. Berdaftar Pajakan/ Pajakan Kecil (jika ada)	No. Berdaftar Gadaian (jika ada)
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)
	No. P.T.	No. H.S.(D)			
Mukim Pedah	6107	1236	Semua Bahagian	Tiada	No. Perserahan 3679/2000
Daerah Jerantut					

Satu (1) Hakmilik sahaja

Bertarikh 24 Mei 2007  
[MSC/4963/08/TR/BCBB/LITI]

HAPIDAH BINTI MOHAMADON  
(No. KP. 771008-06-5972)  
Peguambela dan Peguamcara  
*sebagai wakil dan bagi pihak Pemegang  
Gadaian iaitu CIMB Bank Berhad (yang  
dahulunya dikenali sebagai (Bumiputra-  
Commerce Bank Berhad)*

No. 1290.

## KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

(Seksyen 254)

## NOTIS KEMUNGKIRAN TERHADAP GADAIAN

Kepada Yusri Afendi bin Yusof & Pah binti Yom yang beralamat di 3 Lorong Pandan Makmur 2, Jalan Kuantan By-Pass, 25150 Kuantan, Pahang Darul Makmur, penggadai di bawah gadaian yang diterangkan dalam Jadual di bawah bagi tanah yang tidak dibahagikan dalam tanah/tanah-tanah/pajakan/pajakan kecil yang diterangkan itu.

Bahawasanya kamu telah melakukan suatu pelanggaran terhadap peruntukan-peruntukan gadaian ini dengan gagal membayar keseluruhan pinjaman perumahan berjumlah RM104,777.01 setakat 27 Mac 2007.

Dan bahawasanya pelanggaran itu telah berterusan bagi tempoh sekurang-kurangnya empat belas (14) hari sebelum tarikh notis ini.

Saya sebagai pemegang gadaian, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 254 Kanun Tanah Negara dengan ini menghendaki kamu supaya memulihkan pelanggaran itu dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh penyampaian notis ini.

Dan ambil perhatian bahawa, jika kamu gagal memulihkan pelanggaran itu dalam tempoh tersebut, saya akan memohon suatu perintah jualan.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/ Pekan/ Mukim	No. Lot/ Petak/P.T.	Jenis dan No. Hakmilik	Bahagian Tanah (jika ada)	No. Berdaftar Pajakan/ Pajakan Kecil (jika ada)	No. Berdaftar Gadaian (jika ada)
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)
	No. P.T.	H.S.(M)			
Mukim Kuala Kuantan	74030	55880	Semua	Tiada	No. Perserahan 9404/2006
Daerah Kuantan					

Satu (1) Surat Hakmilik sahaja

Bertarikh pada 30 Mac 2007

Tandatangan (atau lain-lain bentuk  
perlaksanaan)  
oleh atau bagi pihak penerima gadaian

**No. 1291.**

KANUN TANAH NEGARA  
(Akta 56 tahun 1965)

(Seksyen 254)

NOTIS KEMUNGKIRAN MENGENAI SUATU GADAIAN

Kepada Zamri bin Abdul Latif (KP. 700721-06-5179) beralamat di 29 Lorong Tas Ria 31, Taman Tas Ria (2), 25150 Kuantan, Pahang dan/atau d/a Alam Jitu Bina Sdn. Bhd., 26B Tingkat 2, Bangunan LKNP, Jalan Bukit Ubi, 25200 Kuantan, Pahang. Peggadai di bawah gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan kecil yang diperihalkan sedemikian.

Bahawasanya, kamu telah melakukan suatu pelanggaran terhadap peruntukan-peruntukan gadaian ini dengan gagal membayar baki hutang yang mesih terhutang kepada kami oleh kamu walaupun sesalinan Notis bertarikh 27-3-2006, telah diserahkan kepada kamu, yang mana kamu telah berjanji membayar balik kepada kami mengikut peruntukan gadaian berjumlah RM56,010.32 pada 22-3-2006 bersama-sama dengan kadar faedah sebanyak 7% setahun dikira secara harian sehingga selesai pembayaran hutang atau penghasilan gadaian yang dipinjam oleh kamu.

Dan bahawasanya pelanggaran itu telah berterusan selama tempoh sekurang-kurang Empat Belas (14) hari sebelum tarikh notis ini.

Kami sebagai pemegang gadaian, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 254 Kanun Tanah Negara, dengan ini menghendaki kamu supaya memulihkan pelanggaran itu dalam tempoh Empat Belas (14) hari dari tarikh penyampaian notis ini.

Dan ambil perhatian bahawa, jika kamu gagal memulihkan pelanggaran itu dalam tempoh tersebut, kami akan memohon suatu perintah jualan.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/ Pekan/ Mukim	No. Lot/ Petak/P.T.	Jenis dan No. Hakmilik	Bahagian Tanah (jika ada)	No. Berdaftar Pajakan/ Pajakan Kecil (jika ada)	No. Berdaftar Gadaian (jika ada)
	No. P.T.	H.S.(M)			
Mukim Kuala Kuantan	34386	31063	Semua Bahagian	Tiada	Tiada

Bertarikh 16 Ogos 2006

BANK SIMPANAN NASIONAL  
S.K.W: PD 63/2005  
Oleh Wakilnya: 9-4-2005  
Tandatangan (atau lain-lain cara  
Penyempurnaan) oleh atau bagi pihak  
Pemegang Gadaian  
SHAMSUDIN BIN HAMZAH  
KP. 620111-06-5139  
Bank Simpanan Nasional  
Cawangan Utama Negeri  
Lot 46, Jalan Bank  
25000 Kuantan, Pahang

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
KUALA LUMPUR  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA